

12 APR 2002

LALUAN BARU KE KL SENTRAL DIBUKA

KUALA LUMPUR, 12 April (Bernama) -- Dua laluan baru -- Jalan Sentral 4 dan Jalan Sentral 2 -- ke Stesen Sentral Kuala Lumpur (SSKL) akan dibuka kepada umum mulai Ahad ini, menurut kenyataan Kuala Lumpur Sentral Sdn Bhd hari ini.

Bagaimanapun, laluan ini hanya boleh dilalui selama 12 jam dari 7 pagi hingga 7 malam setiap hari sehingga akhir Mei.

"Selepas ini, laluan-laluan itu boleh dilalui selama 24 jam," menurut kenyataan itu.

Kenyataan itu menyebut, kenderaan dari Jalan Istana menuju ke Lebuhraya Mahameru boleh menggunakan SSKL melalui Jalan Sentral 4 sementara Jalan Sentral 2 membolehkan kenderaan keluar dari SSKL ke Lebuhraya Mahameru.

Jalan Sentral 2 juga dihubungkan dengan Jalan Damansara, menurut kenyataan.

Kenyataan itu menyebut pembukaan laluan baru itu adalah sempena pembuknaan rasmi KL City Air Terminal (KL CAT) dan perkhidmatan KLIA Express oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, esok.

-- BERNAMA
NM AZH FAZ